

PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND

**LAPORAN TAHUNAN
BERAKHIR
30 JUN 2017**

PMB INVESTMENT BERHAD (256439-D)

(Syarikat Kumpulan Pelaburan MARA)

Level 20, 1 Sentral

Jalan Rakyat

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Tuan/Puan Yang Dihargai

PMB INVESTMENT BERHAD – MAKLUMAN MENGENAI PRIVASI

Berkuatkuasa 15 November 2013, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) diperkenalkan untuk mengawalselia pemprosesan data peribadi di dalam transaksi-transaksi komersial.

Kami di PMB INVESTMENT BERHAD menilai tinggi privasi anda dan menggembeleng usaha untuk melindungi maklumat-maklumat peribadi anda dalam mematuhi kehendak-kehendak PDPA. Seiring dengan itu, PMB INVESTMENT BERHAD telah mengeluarkan Notis Privasi kepada semua pelanggan-pelanggan individu kami.

Kandungan Notis Privasi tersebut melibatkan perkara-perkara mengenai pemprosesan maklumat-maklumat peribadi anda oleh pihak kami berkaitan dengan akaun pelaburan anda dan/atau perkhidmatan dengan kami. Sila luangkan masa untuk membaca dan mengambil maklum mengenai isi kandungan Notis Privasi berkenaan.

Notis Privasi tersebut boleh dicapai di dalam laman web kami www.pmbinvestment.com.my dan/atau di pejabat kami sama ada di ibu pejabat atau cawangan-cawangan kami.

Sila hubungi kami di bahagian Perhubungan Pelabur, talian 03-2785 9900 sekiranya anda memerlukan sebarang penjelasan mengenai perkara ini.

MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

PMB INVESTMENT BERHAD

(Syarikat Kumpulan Pelaburan MARA)

IBU PEJABAT

Level 20, 1 Sentral

Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral

Peti Surat 10701

50722 Kuala Lumpur

Tel: (03) 2785 9800 Faks: (03) 2785 9901

E-mel: investorrelation@pelaburanmara.com.my

Laman Web: www.pmbinvestment.com.my

LEMBAGA PENGARAH

Dato' Abdul Malik bin Ismail - Pengerusi

Dato' Sri Hj Abd Rahim bin Hj Abdul

Dato' Mohammad Safie bin Asnan @ Asnawi

Prof. Dr. Faridah binti Hj Hassan

Mansoor bin Ahmad

Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff

Dato' Ahmad Nazim bin Abd Rahman

Najmi bin Hj Mohamed

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Najmi bin Hj Mohamed

SETIAUSAHA SYARIKAT

Shahrizat binti Othman

JAWATANKUASA PELABURAN

Mansoor bin Ahmad

Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff

Dato' Ahmad Nazim bin Abd Rahman

Prof. Dr. Mohamed Aslam bin Mohamed Haneef

PEMEGANG AMANAH

AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

PENASIHAT SYARIAH

BIMB SECURITIES SDN. BHD.

JURUAUDIT BEBAS

JAMAL, AMIN & PARTNERS

No.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	MAKLUMAT DANA	5
1.1	NAMA DANA	5
1.2	TARIKH PELANCARAN SEMULA DANA	5
1.3	KATEGORI/JENIS DANA	5
1.4	OBJEKTIF DANA	5
1.5	TANDA ARAS DANA	5
1.6	DASAR PENGAGIHAN DANA	5
1.7	KEDUDUKAN PEGANGAN UNIT	5
2.	PENCAPAIAN DANA	6 – 7
2.1	KOMPOSISI DANA	6
2.2	PENGAGIHAN PENDAPATAN/TERBITAN UNIT PECAHAN	7
3.	LAPORAN PENGURUS	8 – 13
3.1	ANALISA PRESTASI DANA	8
3.1.1	BANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN OBJEKTIF PELABURAN	8
3.1.2	BANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN TANDA ARAS	8
3.2	ANALISA PRESTASI DANA BERDASARKAN NILAI ASET BERSIH SEUNIT	10
3.3	POLISI DAN STRATEGI PELABURAN	10
3.4	PERUMPUKAN ASET-ASET DANA	10

No.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
3.5	SUASANA PASARAN WANG TEMPATAN SEMASA	11
3.6	PENGAGIHAN PENDAPATAN DAN KESAN TERHADAP NAB DANA	13
3.7	TERBITAN UNIT PECAHAN	13
3.8	KEPENTINGAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT	13
3.9	REBET DAN KOMISEN TIDAK LANGSUNG	13
4.	PENYATAAN PEMEGANG AMANAH	14
5.	PENYATAAN PENASIHAT SYARIAH	15
6.	PENYATAAN PENGURUS	16
7.	LAPORAN JURUAUDIT	17 – 19
8.	PENYATA KEWANGAN	20 – 35
9.	ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA	36 – 37
10.	MAKLUMAT TAMBAHAN	38 – 39
11.	MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN	40 – 41
12.	MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR	42
13.	BORANG KEMASKINI MAKLUMAT PELABUR	43

1. MAKLUMAT DANA

1.1 NAMA DANA

PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND - PMB SCMF.

1.2 TARIKH PELANCARAN SEMULA DANA

8 Oktober 2012.

1.3 KATEGORI/JENIS DANA

Pasaran Wang Islam/Pendapatan.

1.4 OBJEKTIF DANA

Objektif Dana ialah memberikan pelabur pulangan yang munasabah dengan tahap kecairan yang tinggi sambil mengekalkan kestabilan modal melalui pelaburan terutamanya dalam instrumen pasaran wang dan sekuriti hutang yang berlandaskan Syariah.

1.5 TANDA ARAS DANA

Kadar Semalaman Antara Bank Secara Islam (*Overnight Islamic Interbank Rate*) Bank Negara Malaysia (*BNM*).

1.6 DASAR PENGAGIHAN DANA

Pengagihan pendapatan (jika ada) akan ditentukan pada setiap akhir bulan tertakluk kepada pendapatan yang mencukupi untuk agihan sama ada dalam bentuk tunai atau unit tambahan.

1.7 KEDUDUKAN PEGANGAN UNIT PADA 30 JUN 2017

Saiz Pegangan Unit	Jumlah Pemegang Unit	%	Jumlah Unit Dipegang *	%
5,000 dan ke bawah	171	43.40	563,126.76	0.73
5,001 - 10,000	69	17.51	499,024.20	0.64
10,001 - 50,000	94	23.86	2,020,002.33	2.61
50,001 - 500,000	46	11.68	6,333,566.89	8.18
500,001 dan ke atas	14	3.55	68,029,100.60	87.84
Jumlah	394	100.00	77,444,820.78	100.00

* *Nota:* Tidak termasuk unit Pengurus

2. PENCAPAIAN DANA

2.1 KOMPOSISI DANA

Sektor (%)	30 JUN		
	2017	2016	2015
Nota Perdagangan	-	-	10.63
Deposit Islamik dan lain-lain	100.00	100.00	89.37
Jumlah	100.00	100.00	100.00
Maklumat Prestasi			
Nilai Aset Bersih (NAB) - xD (RM'000)	39,103	36,021	27,658
Unit Dalam Edaran ('000)	77,450	71,368	54,889
NAB seunit - xD (RM)	0.5049	0.5047	0.5039
NAB seunit - xD : Tertinggi (RM)	0.5089	0.5090	0.5078
: Terendah (RM)	0.5049	0.5040	0.5036
Jumlah Pulangan # (%)	3.89	3.17	3.07
Pertumbuhan Modal # (%)	0.85	0.16	0.08
Pengagihan Pendapatan (%)	3.04	3.01	2.99
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) (%)	* 0.47	0.45	0.41
Pusing Ganti Portfolio (PGP) (kali)	**1.37	1.88	2.60

Sumber: Lipper

* NPP meningkat 0.02 peratusan mata kepada 0.47% dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya, berikutan peningkatan jumlah perbelanjaan Dana sebanyak 33.33%. Dalam dalam tempoh yang sama, saiz purata Dana juga meningkat sebanyak 28.82%.

** Peratusan untuk PGP menyusut kepada 1.37 kali bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017 daripada 1.88 kali bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya berikutan dari hasil daripada pusing ganti yang kurang aktif untuk mendapatkan pulangan yang baik.

Pencapaian Dana pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut nilai pasaran.

2.1 KOMPOSISI DANA (SAMB.)

* PURATA TAHUNAN (BERAKHIR 30 JUN)			
	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun
PMB SCMF	3.89%	3.38%	3.16%
PENANDA ARAS	3.04%	3.17%	3.09%

* PULANGAN TAHUNAN (BERAKHIR 30 JUN)					
	2017	2016	2015	2014	2013
PMB SCMF	3.89%	3.17%	3.07%	2.83%	2.84%
PENANDA ARAS	3.04%	3.26%	3.21%	2.97%	2.98%

* Sumber: Lipper

2.2 PENGAGIHAN PENDAPATAN/TERBITAN UNIT PECAHAN

Tarikh	Pengagihan Kasar Seunit (sen)	Pengagihan Bersih Seunit (sen)	Nisbah Unit Pecahan
<u>Agihan Tahunan **</u>			
30/06/2015	1.49	1.49	-
30/06/2016	1.50	1.50	-
30/06/2017	1.51	1.51	-
<u>Agihan Bulanan **</u>			
31/07/2016	0.10	0.10	-
31/08/2016	0.10	0.10	-
30/09/2016	0.10	0.10	-
31/10/2016	0.10	0.10	-
30/11/2016	0.10	0.10	-
31/12/2016	0.10	0.10	-
31/01/2017	0.10	0.10	-
28/02/2017	0.10	0.10	-
31/03/2017	0.10	0.10	-
30/04/2017	0.10	0.10	-
31/05/2017	0.10	0.10	-
30/06/2017	0.41	0.41	-

** Pengagihan pendapatan dalam bentuk unit.

Nota: Unit Pecahan (jika ada) tidak layak menerima pengagihan pendapatan untuk tahun kewangan semasa.

Sila rujuk muka surat 36 - 37 bagi asas pengiraan.

Pencapaian Dana pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut nilai pasaran.

3. LAPORAN PENGURUS

Bagi tempoh dua belas (12) bulan berakhir 30 Jun 2017 (1 Julai 2016 hingga 30 Jun 2017).


3.1 ANALISA PRESTASI DANA

3.1.1 BANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN OBJEKTIF PELABURAN

Sepanjang tempoh kajian, PMB SCMF telah mencapai objektifnya iaitu memberi pelabur pulangan yang munasabah dengan tahap kecairan yang tinggi sambil mengekalkan kestabilan modal. Berdasarkan sumber Lipper, pulangan Dana untuk jangka masa 5 tahun ialah sebanyak 16.84%. Bagi tempoh setahun berakhir 30 Jun 2017, Dana mencatat pulangan sebanyak 3.89%. Pengurus telah mengisytiharkan pengagihan pendapatan dalam bentuk unit yang keseluruhannya berjumlah 1.51 sen (bersih) seunit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017.


3.1.2 BANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN TANDA ARAS

Prestasi Dana berbanding tanda aras bagi tempoh 1 tahun, 3 tahun dan 5 tahun berakhir 30 Jun 2017 adalah seperti berikut:-




Graf di atas menunjukkan pergerakan pulangan Dana bagi tempoh setahun berakhir 30 Jun 2017. Sepanjang tempoh tersebut NAB seunit Dana meningkat 3.89%, berbanding peningkatan penanda aras sebanyak 3.04%.

3.1.2 BANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN TANDA ARAS (SAMB.)



Bagi tempoh 3 tahun berakhir 30 Jun 2017, NAB seunit Dana meningkat 10.48% berbanding kenaikan 9.81% pada penanda aras. Sila rujuk graf di atas.



Graf di atas pula mencerminkan pergerakan pulangan Dana untuk jangka masa 5 tahun berakhir 30 Jun 2017. Sepanjang tempoh tersebut, NAB seunit Dana menokok 16.84% berbanding penanda aras yang meningkat 16.44%.

3.2 ANALISA PRESTASI DANA BERDASARKAN NILAI ASET BERSIH SEUNIT

Sepanjang tempoh kajian, NAB seunit Dana meningkat sebanyak RM0.0043 atau 0.85% iaitu daripada 0.5047 (xD) pada 30 Jun 2016 kepada RM0.5090 (cD) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017. Dana telah mengisytiharkan 12 kali agihan pendapatan dalam bentuk unit baru dan NAB seunit Dana bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:-

Tarikh Agihan	Pengagihan Bersih Seunit (sen)	NAB seunit (cD)	NAB seunit (xD)
31/07/2016	0.10	0.5061	0.5051
31/08/2016	0.10	0.5065	0.5055
30/09/2016	0.10	0.5067	0.5057
31/10/2016	0.10	0.5070	0.5060
30/11/2016	0.10	0.5072	0.5062
31/12/2016	0.10	0.5076	0.5066
31/01/2017	0.10	0.5078	0.5068
28/02/2017	0.10	0.5080	0.5070
31/03/2017	0.10	0.5082	0.5072
30/04/2017	0.10	0.5083	0.5073
31/05/2017	0.10	0.5086	0.5076
30/06/2017	0.41	0.5090	0.5049

3.3 POLISI DAN STRATEGI PELABURAN

Polisi pelaburan Dana ialah untuk melabur dalam instrumen pasaran wang dan sekuriti pendapatan tetap mengikut prinsip-prinsip Syariah.

Untuk mencapai objektifnya, Dana ini melabur dalam instrumen pasaran wang Islam jangka terdekat, penempatan deposit Islam dan/atau sekuriti hutang Islam di Malaysia yang akan matang dalam tempoh 365 hari. Pun begitu, Dana boleh melabur sehingga 10% daripada NAB dalam instrumen pasaran wang Islam, sekuriti hutang Islam dan/atau penempatan deposit Islam dengan tempoh matang melebihi 365 hari tetapi tidak melebihi 732 hari. Peruntukan aset adalah sehingga 100% dalam instrumen pasaran wang Islam, sekuriti hutang Islam dan/atau penempatan deposit Islam.

3.4 PERUMPUKAN ASET-ASET DANA

Pecahan seunit mengikut kelas aset adalah seperti berikut:-


PECAHAN SEUNIT MENGIKUT KELAS ASET				
	30 Jun 2017 (%)	30 Jun 2016 (%)	Perubahan Peratus Mata	Purata Pendedahan Pelaburan (%)
Deposit Islamik dan lain-lain	100.00	100.00	-	100.00

3.4 PERUMPUKAN ASET-ASET DANA (SAMB.)

Sepanjang tempoh kajian setahun berakhir 30 Jun 2017, berdasarkan sumber Lipper Jumlah Kadar Pulangan Portfolio (“*Total Portfolio Returns*”), pulangan Dana ialah 3.89% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 3.04%. Dalam tempoh berkenaan, pelaburan adalah 100% dalam deposit Islamik dan lain-lain instrumen pasaran wang patuh Syariah.


PERUMPUKAN ASET PMB SCMF PADA 30/06/2017

Deposit Islamik
dan lain-lain
100%



PERUMPUKAN ASET PMB SCMF PADA 30/06/2016

Deposit Islamik
dan lain-lain
100%



3.5 SUASANA PASARAN WANG TEMPATAN SEMASA

Dalam tempoh setahun berakhir 30 Jun 2017, Jawatankuasa Dasar Kewangan (*Monetary Policy Committee, MPC*) Bank Negara Malaysia (BNM) membuat keputusan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate, OPR*) pada 3.00% setahun. Walau bagaimanapun kadar ini pertama kali diturunkan dari kadar 3.25% setahun yang lalu di mesyuarat MPC yang berlangsung pada 13 Julai 2016 ekoran dari persekitaran global yang tidak menentu. Berikutan penurunan pada bulan Julai, MPC terus mengekalkan kadar OPR dalam mesyuarat-mesyuarat seterusnya yang berlangsung pada 7 September dan 23 November 2016 serta pada 19 Januari, 2 Mac dan 12 Mei pada tahun 2017.

Sepanjang tempoh setahun berakhir 30 Jun 2017, berikutan penurunan OPR pada 13 Julai 2016, kadar antara bank semalaman purata, secara relatif, diniagakan dalam julat lebih rendah iaitu di antara 2.83% dan 3.00%, berbanding julat 3.01% hingga 3.25% yang diperhatikan dalam tempoh kajian yang sama pada tahun sebelumnya. Sepanjang tempoh kajian, Kadar Antara Bank Kuala Lumpur ditawarkan (*KLIBOR*) tiga bulan juga menurun daripada 3.65% pada akhir Jun 2016 kepada 3.43% pada akhir Jun 2017.

3.5 SUASANA PASARAN WANG TEMPATAN SEMASA (SAMB.)

Menurut BNM, ekonomi global semakin kukuh dengan pertumbuhan yang lebih sekata di kebanyakan negara. Kegiatan perindustrian dan perdagangan global juga melebihi daripada jangkaan awal. Prospek pertumbuhan di negara-negara maju dijangka lebih baik berikutan pelaburan yang meningkat secara lebih menyeluruh dan pertumbuhan penggunaan yang terus stabil. Pertumbuhan di rantau Asia bakal dipacu oleh kegiatan dalam negara dan permintaan eksport yang lebih kukuh. Namun, prospek pertumbuhan global masih berhadapan dengan risiko. Antaranya ialah ketidakpastian mengenai keadaan politik semasa dan kesamaran tentang dasar di negara ekonomi utama, perkembangan geopolitik dan pasaran kewangan serta turun naik harga komoditi.

Prestasi ekonomi Malaysia pada suku pertama 2017 lebih baik daripada jangkaan. Pertumbuhan yang memberangsangkan ini adalah hasil daripada permintaan dalam negara yang lebih kukuh dan dorongan tambahan daripada sektor eksport. Prospek pertumbuhan global yang lebih baik juga akan meningkatkan prestasi eksport selain memberikan kesan yang positif kepada ekonomi negara. Penggunaan swasta meningkat berikutan peningkatan upah dan guna tenaga. Prospek pelaburan pula dijangka lebih positif hasil pelaksanaan projek-projek infrastruktur baharu dan yang sedang giat dijalankan, serta penambahan kapasiti pengeluaran dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi negara dijangka lebih tinggi pada tahun 2017.

Kadar inflasi secara keseluruhannya menurun kepada 3.9% pada bulan Mei disebabkan terutamanya oleh harga bahan api dalam negara yang lebih rendah pada bulan itu. Kadar inflasi dijangka terus mengalami penurunan pada separuh kedua 2017. Keadaan ini mencerminkan terutamanya kesan faktor kos global yang semakin berkurang. Inflasi asas seperti yang diukur oleh inflasi teras dijangka terus terkawal meskipun berhadapan dengan permintaan dalam negara yang lebih kukuh.

Pasaran kewangan domestik terus berdaya tahan. Ringgit terus stabil berikutan permintaan dan penawaran mata wang asing yang lebih seimbang hasil daripada pelaksanaan dua langkah pembangunan pasaran kewangan. Mudah tunai sistem perbankan terus mencukupi. Institusi kewangan meneruskan operasi dengan penampakan modal dan mudah tunai yang kukuh. Pertumbuhan pembiayaan kepada sektor swasta meningkat selaras dengan kadar perkembangan aktiviti ekonomi.

Pada kadar semasa *OPR*, pendirian dasar monetari adalah akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi. *MPC* akan terus menilai imbalan risiko berhubung dengan prospek pertumbuhan domestik dan inflasi.

(Sumber: Laman sesawang BNM)

3.6 PENGAGIHAN PENDAPATAN DAN KESAN TERHADAP NAB DANA

Berdasarkan kepada pendapatan semasa Dana, Pengurus dengan persetujuan Pemegang Amanah telah menetapkan pengagihan pendapatan dalam bentuk unit sebanyak 0.41 sen (bersih) seunit bagi tempoh 1 Jun 2017 hingga 30 Jun 2017. Jumlah pengagihan pendapatan yang telah diagihkan kepada pemegang-pemegang unit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017 adalah sebanyak 1.51 sen (bersih) seunit.

Kesan daripada pengagihan pendapatan 0.41 sen itu, NAB seunit Dana dilaraskan daripada RM0.5090 (cD) kepada RM0.5049 (xD) pada 30 Jun 2017. Sila rujuk item 3.2 untuk pengagihan pendapatan sepanjang tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017.

3.7 TERBITAN UNIT PECAHAN

Tiada terbitan unit pecahan dicadangkan sepanjang tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017.

3.8 KEPENTINGAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

Sepanjang tempoh kajian, tiada sebarang kejadian yang menjejaskan kepentingan Pemegang-Pemegang Unit selain daripada urusan-ususniaga yang dijalankan selaras dengan Suratikatan Amanah, Garispanduan Tabung Unit Amanah, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa.

3.9 REBET DAN KOMISEN TIDAK LANGSUNG

Sepanjang tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017, Pengurus tidak menerima sebarang imbuhan daripada dealer selain daripada laporan ataupun material penyelidikan yang berkaitan dengan ekonomi, pasaran saham termasuk analisa penyelidikan terhadap sesuatu syarikat yang tersenarai ataupun akan disenaraikan di Bursa Malaysia.

4. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017. Pada pendapat kami, PMB INVESTMENT BERHAD, selaku Pengurus, telah melaksana dan mengurus PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- (b) Penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND.

Untuk dan bagi pihak

AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

21 Ogos 2017

5. PENYATAAN PENASIHAT SYARIAH

PEMEGANG-PEMEGANG UNIT YANG DIHORMATI

Kami telah bertindak sebagai Penasihat Syariah kepada PMB INVESTMENT BERHAD, selaku Pengurus bagi PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017. Tanggungjawab kami adalah untuk memastikan prosedur dan proses yang dilaksanakan oleh PMB INVESTMENT BERHAD serta peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Suratikatan Induk Tambahan Keempat Belas bertarikh 6 September 2016 yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 14 Oktober 2016 adalah mematuhi Syariah.

Pada pendapat kami, berdasarkan laporan-laporan berkala dan penerangan yang kami terima, untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017, PMB INVESTMENT BERHAD telah mengurus dan mentadbir PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND mengikut kehendak Syariah dan mematuhi segala garis panduan, arahan mahupun keputusan yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dari aspek Syariah.

Kami juga berpendapat bahawa PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND yang dikendalikan oleh PMB INVESTMENT BERHAD adalah mengandungi pelaburan berbentuk Deposit Islamik yang telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk dan bagi pihak
BIMB SECURITIES SDN BHD

IR. DR. MUHAMAD FUAD ABDULLAH
Pegawai Syariah Yang Dilantik

KUALA LUMPUR

21 Ogos 2017

6. PENYATAAN PENGURUS

Kepada Pemegang-Pemegang Unit PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND

Kami, sebagai Pengarah kepada PMB INVESTMENT BERHAD selaku Pengurus PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND berpendapat penyata kewangan yang dibentangkan memberikan maklumat dan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dana pada 30 Jun 2017, perubahan dalam ekuiti, prestasi kewangan serta aliran tunai Dana untuk tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS) dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Untuk dan bagi pihak

PMB INVESTMENT BERHAD

Selaku Pengurus, PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND

NAJMI BIN HAJI MOHAMED
Pengarah

YBHG. DATO' AHMAD NAZIM BIN ABD RAHMAN
Pengarah

KUALA LUMPUR

16 Ogos 2017

7. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada Pemegang-Pemegang Unit PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND

Laporan ke atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan untuk PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND, yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2017, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, serta polisi-polisi perakaunan penting dan nota-nota penerangan yang lain yang dikemukakan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan Dana memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dana pada 30 Jun 2017 dan prestasi kewangan, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai Dana untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017 selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS). Kami juga mengesahkan pengiraan Nisbah Perbelanjaan Pengurusan dan Pusing Ganti Portfolio yang dibentangkan pada nota 14 dan 15 adalah bertepatan dan munasabah.

Jadual yang dibentangkan telah diambil terutamanya dari rekod perakaunan dan lain-lain rekod Dana yang telah dikenakan ujian-ujian dan lain-lain tatacara audit sewaktu pemeriksaan kami ke atas penyata kewangan Dana untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017. Pada pendapat kami, pada keseluruhannya maklumat itu telah dibentangkan dengan saksama jika dipandang dari semua segi penting berkenaan dengan penyata kewangan itu.

Asas Bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian dihuraikan dengan lanjut dalam bahagian Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami bebas daripada Dana mengikut Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan bagi Akauntan Profesional ("Kod IESBA") dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Pengurus Dana bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat-maklumat lain merangkumi Laporan Pengurus dan Penyata Pengurus, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Dana dan laporan juruaudit kami.

Laporan Juruaudit Bebas Kepada Pemegang-Pemegang Unit PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND (SAMB.)

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit (Samb.)

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Dana tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Dana, adalah tanggungjawab juruaudit untuk membaca Laporan Pengurus dan dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada Laporan Pengurus tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Dana atau dengan pengetahuan kami yang diperolehi ketika audit, atau sebaliknya memberi salahnyata yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam Laporan Pengurus, kami dikehendaki melaporkan hakikat itu. Kami tidak menemui apa-apa untuk dilaporkan mengenai hal ini.

Tanggungjawab Pengurus ke atas Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembentangan yang saksama ke atas penyata kewangan mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia dan Pengurus menentukan kawalan dalaman yang berkaitan untuk memastikan penyediaan penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada melibatkan penipuan atau kesilapan. Pemegang Amanah bertanggungjawab memastikan Pengurus menyimpan rekod-rekod perakaunan dalam keadaan sempurna seperti yang dikehendaki bagi memperolehi pembentangan yang saksama ke atas penyata kewangan.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Dana secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan tahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa sesuatu pengauditan yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa dapat mengesan salah nyata yang material apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau secara agregat, mereka boleh secara munasabah mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

**Laporan Juruaudit Bebas Kepada Pemegang-Pemegang Unit
PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND (SAMB.)****Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan (Samb.)**

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Dana, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko-risiko berkenaan dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, memberi gambaran yang salah, atau melampaui kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Pengurus.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Dana, termasuk pendedahan dan sama ada penyata kewangan mewakili urusanniaga dan peristiwa yang dapat mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kita mengenal pasti semasa audit kami.

Lain-Lain Perkara

Laporan ini disediakan kepada para pemegang unit Dana untuk membuat laporan berkenaan pendapat kami sebagai satu badan, menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak yang lain bagi kandungan laporan ini.

JAMAL, AMIN & PARTNERS
(No: AF 1067)
Akauntan Bertauliah

AHMAD HILMY BIN JOHARI
(No: 2977/03/18(J))
Akauntan Bertauliah

KUALA LUMPUR

15 Ogos 2017

8. PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 30 JUN 2017

	<u>NOTA</u>	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
ASET			
PELABURAN	4		
Deposit Islamik dengan institusi kewangan berlesen di Malaysia	5	39,262,005	36,139,490
		39,262,005	36,139,490
LAIN-LAIN ASET			
Keuntungan diterima terakru dari Deposit Islamik		193,877	159,652
Tuntutan Cukai		18,197	11,049
Simpanan Al-Wadiah		25,018	34,980
		237,092	205,681
JUMLAH ASET		39,499,097	36,345,171
LIABILITI			
Terhutang kepada Pengurus	6	51,154	8,265
Terhutang Kepada Pemegang Amanah		1,622	1,396
Lain-lain sipiutang		25,726	28,650
Pengagihan	7	317,545	285,472
JUMLAH LIABILITI		396,047	323,783
EKUITI			
Modal unit bersih	8	40,533,096	37,451,434
Kerugian terkumpul		(1,430,046)	(1,430,046)
JUMLAH EKUITI		39,103,050	36,021,388
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		39,499,097	36,345,171
UNIT DALAM EDARAN	8	77,450,000	71,368,000
NILAI ASET BERSIH SEUNIT (RM) - XD	9	0.5049	0.5047

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017**

	<u>NOTA</u>	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
PENDAPATAN PELABURAN			
Keuntungan dari Deposit Islamik		1,195,621	945,934
Keuntungan dari Nota Perdagangan		-	42,588
Hibah dari Simpanan Al-Wadiah		745	221
Lain-lain Pendapatan		-	3,855
		1,196,366	992,598
PERBELANJAAN			
Yuran Pengurus	10	118,586	73,722
Yuran Pemegang Amanah	11	17,159	13,347
Yuran Audit		2,500	2,500
Yuran Ajen Cukai		900	700
Cukai Barangan dan Perkhidmatan		8,145	5,224
Perbelanjaan Pentadbiran		12,678	24,872
		159,968	120,365
KEUNTUNGAN BERSIH SEBELUM CUKAI			
		1,036,398	872,233
Cukai	12	-	(41,827)
KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS CUKAI			
		1,036,398	830,406
KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS CUKAI TERHASIL OLEH:			
KEUNTUNGAN DIREALISASI			
		1,036,398	830,406
KEUNTUNGAN BELUM DIREALISASI			
		-	-
		1,036,398	830,406
PENGAGIHAN PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN			
	7	1,057,564	855,296

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017**

	<u>NOTA</u>	<u>Modal Unit Bersih</u> RM	<u>Kerugian Terkumpul</u> RM	<u>Jumlah Ekuiti</u> RM
Baki pada 1 Julai 2015		29,088,296	(1,430,046)	27,658,250
Keuntungan direalisasi		-	830,406	830,406
Perolehan daripada penjadian unit		18,680,409	-	18,680,409
Penjelasan tunai bagi perlucutan unit		(10,292,381)	-	(10,292,381)
Pengagihan	7	-	(855,296)	(855,296)
Pengimbangan agihan		(24,890)	24,890	-
Baki pada 30 Jun 2016		37,451,434	(1,430,046)	36,021,388
Baki pada 1 Julai 2016		37,451,434	(1,430,046)	36,021,388
Keuntungan direalisasi		-	1,036,398	1,036,398
Perolehan daripada penjadian unit		22,859,652	-	22,859,652
Penjelasan tunai bagi perlucutan unit		(19,756,824)	-	(19,756,824)
Pengagihan	7	-	(1,057,564)	(1,057,564)
Pengimbangan agihan		(21,166)	21,166	-
Baki pada 30 Jun 2017		40,533,096	(1,430,046)	39,103,050

**PENYATA ALIRAN TUNAI
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017**

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN DAN OPERASI		
Keuntungan dari Deposit Islamik	1,161,398	824,599
Keuntungan dari Nota Perdagangan	-	58,685
Hibah dari Simpanan Al-Wadiah	745	221
Penerimaan dari lain-lain pendapatan	-	3,855
Pembayaran cukai yang kena bayar	(7,149)	(44,432)
Yuran Pengurus telah dijelaskan	(113,404)	(72,384)
Yuran Pemegang Amanah telah dijelaskan	(16,853)	(13,171)
Yuran audit telah dijelaskan	(2,500)	(2,000)
Yuran agen cukai telah dijelaskan	(800)	(700)
Lain-lain perbelanjaan	(24,394)	(16,449)
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti pelaburan dan operasi	<u>997,043</u>	<u>738,224</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	21,834,160	17,934,605
Penjelasan tunai bagi perlucutan unit	(19,718,650)	(10,292,381)
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti pembiayaan	<u>2,115,510</u>	<u>7,642,224</u>
LEBIHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	3,112,553	8,380,448
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI DIBAWA KE HADAPAN	<u>36,174,470</u>	<u>27,794,022</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI DIHANTAR KE HADAPAN	<u>39,287,023</u>	<u>36,174,470</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
Simpanan Al-Wadiah	25,018	34,980
Deposit Islamik	39,262,005	36,139,490
	<u>39,287,023</u>	<u>36,174,470</u>

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA

PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND diuruskan oleh PMB INVESTMENT BERHAD, mula dilancarkan sebagai Kumpulan Modal Bumiputera Yang Ketiga pada 1 November 1969 dan telah dilancarkan semula sebagai ASM Syariah Money Market Fund pada 21 November 2005. Mulai 8 Oktober 2012, Dana ini telah ditukarkan namanya kepada ASM Syariah Cash Management Fund sebagaimana yang termaktub di dalam Suratikatan Induk Tambahan Kelapan bertarikh 15 Ogos 2012, di antara Pengurus (PMB INVESTMENT BERHAD), Pemegang Amanah (AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD) dan pemegang-pemegang unit berdaftar dan telah mendaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 25 September 2012. Berdasarkan Prospektus Induk bertarikh 28 April 2014, Dana ini sekali lagi telah ditukarkan namanya daripada ASM Syariah Cash Management Fund kepada PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND selari dengan perubahan nama Pengurus daripada ASM Investment Services Berhad kepada PMB INVESTMENT BERHAD. Ia akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut peruntukan Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Aktiviti utama PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND ialah pelaburan di dalam instrumen pasaran kewangan dan sekuriti pendapatan tetap berlandaskan Prinsip-Prinsip Syariah sebagaimana yang didefinisikan di bawah Klausa 1 di dalam Suratikatan Amanah dan tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan kelulusan Penasihat Syariah dari semasa ke semasa.

Pengurus adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Pelaburan MARA Berhad. Aktiviti utama Pengurus ialah pengurusan Dana-Dana Unit Amanah dan Dana Korporat.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Operasi Dana Unit Amanah ini adalah terdedah kepada beberapa risiko yang mana antara lainnya termasuklah risiko pasaran, risiko kecairan, risiko spesifik dan risiko kadar keuntungan. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui sistem kawalan dalaman serta sekatan-sekatan pelaburan yang digariskan di dalam Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan mengikut Prinsip-Prinsip Syariah.

(a) Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah melalui ketidakpastian dalam harga pasaran yang dipengaruhi oleh perubahan dalam persekitaran pasaran termasuk perubahan ekonomi secara global, peraturan, politik dan kadar keuntungan. Unit Amanah menguruskan risiko pasaran melalui garispanduan dan polisi pelaburan yang disediakan serta strategi kepelbagaian pengagihan portfolio aset Dana.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017**

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Risiko Kecairan

Unit Amanah menguruskan aliran tunai dengan menempatkan sebahagian tunai dalam deposit Islamik dengan memastikan pulangan yang maksimum dan mengambil peluang ke atas pelaburan dan peluang baru. Risiko kecairan adalah risiko Unit Amanah menghadapi kesulitan untuk mendapatkan dana bagi memenuhi komitmen kewangan.

(c) Risiko Spesifik

Risiko spesifik adalah risiko yang dialami melalui pelaburan terhadap syarikat-syarikat yang mengalami perubahan dalam prestasi perniagaan, citarasa dan permintaan pengguna, tindakan undang-undang dan amalan pengurusan. Risiko ini boleh dikurangkan melalui kepelbagaian dalam pelaburan dan sekatan pelaburan yang digariskan oleh Garispanduan Tabung Unit Amanah dan berlandaskan kepada Prinsip-Prinsip Syariah.

(d) Risiko Kadar Keuntungan

Unit Amanah menguruskan risiko kadar keuntungan dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garispanduan dan polisi pelaburan serta semakan yang kerap ke atas kadar keuntungan dan jangkaan pasaran. Risiko kadar keuntungan adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar keuntungan akan berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar keuntungan pasaran.

Jadual di bawah menunjukkan kesan sensitiviti perubahan kadar keuntungan ke atas keuntungan Dana pada tarikh pelaporan dan pendapatan komprehensif yang lain dengan andaian semua pembolehubah lain yang dipegang malar.

	<u>Perubahan mata asas *</u>	<u>Kesan ke atas Keuntungan Kenaikan/(Penurunan)</u> RM	<u>Kesan ke atas NAB Kenaikan/(Penurunan)</u> RM
2017	+50 / -50	170,827 / (170,827)	170,827 / (170,827)
2016	+50 / -50	127,313 / (127,313)	127,313 / (127,313)

* Andaian perubahan mata asas bagi kesan sensitiviti kadar keuntungan adalah berdasarkan pemerhatian semasa pasaran kewangan.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017**

3. HURAIAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan diubahsuai bagi mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS) dan Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Dasar perakaunan yang digunakan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017 adalah konsisten dengan yang digunakan pada penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2016.

Dana masih belum menerimapakai MFRS berikut yang diterbitkan oleh MASB tetapi belum berkuatkuasa.

	Tarikh Kuatkuasa Bagi Tahun Kewangan Bermula <u>Pada Atau Selepas</u>
MFRS 9 Instrumen Kewangan (IFRS 9 diterbitkan oleh IASB pada Julai 2014)	1 Januari 2018

Penggunaan piawaian di atas dijangka tidak mempunyai kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Dana.

(b) Keuntungan dari Deposit Islamik dan Nota Perdagangan

Keuntungan dari Deposit Islamik dan Nota Perdagangan adalah diambilkira berdasarkan asas akruan.

(c) Penjadian dan Perlucutan Unit

Penerimaan dari penjadian unit dan pembayaran atas perlucutan unit adalah berdasarkan nilai pasaran unit yang terdiri dari bahagian modal dan bahagian pendapatan pada tarikh penjadian atau perlucutan berkenaan.

(d) Pengimbangan Agihan

Pengimbangan agihan diambilkira pada tarikh penjadian dan perlucutan berdasarkan purata jumlah pendapatan yang boleh diagihkan termasuk dalam harga penjadian dan perlucutan unit.

(e) Tunai dan Persamaan Tunai

Tunai dan persamaan tunai meliputi deposit Islamik dan simpanan Al-Wadiah dengan bank dan institusi-institusi kewangan berlesen di mana simpanan tersebut adalah berlandaskan kepada Prinsip-Prinsip Syariah.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017**

3. HURAIAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(f) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan yang dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah merangkumi tunai di bank, simpanan di institusi-institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Polisi perakaunan tentang perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Keuntungan dari deposit Islamik dan simpanan Al-Wadiah, keuntungan atau kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan atau kerugian dari pelaburan.

4. PELABURAN

Butir-butir adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Deposit Islamik	<u>39,262,005</u>	36,139,490
Jumlah Pelaburan	<u><u>39,262,005</u></u>	<u><u>36,139,490</u></u>

Senarai Pelaburan adalah seperti di Jadual A.

5. DEPOSIT ISLAMIK

Deposit Islamik adalah meliputi simpanan tetap berlandaskan Prinsip-Prinsip Syariah di dalam institusi kewangan berlesen seperti berikut:-

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
(a) Bank-bank Islam	<u>30,428,369</u>	34,355,740
(b) Bank Pelaburan	<u>8,833,636</u>	1,783,750
	<u><u>39,262,005</u></u>	<u><u>36,139,490</u></u>

Purata kadar keuntungan sepanjang tahun kewangan dan purata tempoh akan matang simpanan pada tarikh penutup kewangan adalah seperti berikut:-

	<u>Purata Kadar Keuntungan</u> %	<u>Purata Tempoh Akan Matang</u> Hari
(a) Bank-bank Islam	3.55	131
(b) Bank Pelaburan	3.45	78

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017**

6. TERHUTANG KEPADA PENGURUS

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
	RM	RM
Penjelasan tunai terakru bagi perlucutan unit	38,175	-
Yuran pengurus yang terakru	12,979	8,265
	<u>51,154</u>	<u>8,265</u>

7. PENGAGIHAN

Pengagihan pendapatan dalam bentuk unit kepada Pemegang-Pemegang Unit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017 (30 Jun 2016: Pengagihan pendapatan dalam bentuk unit) adalah seperti berikut:-

<u>Tarikh Pengagihan</u>	<u>2017</u>		<u>Jumlah Pengagihan (RM)</u>
	<u>Pengagihan Kasar Seunit (sen)</u>	<u>Pengagihan Bersih Seunit (sen)</u>	
31 Julai 2016	0.10	0.10	77,639
31 Ogos 2016	0.10	0.10	77,828
30 September 2016	0.10	0.10	70,727
31 Oktober 2016	0.10	0.10	70,797
30 November 2016	0.10	0.10	60,202
31 Disember 2016	0.10	0.10	61,483
31 Januari 2017	0.10	0.10	60,870
28 Februari 2017	0.10	0.10	57,830
31 Mac 2017	0.10	0.10	63,699
30 April 2017	0.10	0.10	61,717
31 Mei 2017	0.10	0.10	77,227
30 Jun 2017	0.41	0.41	317,545
Jumlah	<u>1.51</u>	<u>1.51</u>	<u>1,057,564</u>

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017**

7. PENGAGIHAN (SAMB.)

<u>Tarikh Pengagihan</u>	2016		
	<u>Pengagihan Kasar Seunit</u> (sen)	<u>Pengagihan Bersih Seunit</u> (sen)	<u>Jumlah Pengagihan</u> (RM)
31 Julai 2015	0.10	0.10	58,578
31 Ogos 2015	0.10	0.10	55,059
30 September 2015	0.10	0.10	52,888
31 Oktober 2015	0.10	0.10	52,728
30 November 2015	0.10	0.10	51,960
31 Disember 2015	0.10	0.10	52,588
31 Januari 2016	0.10	0.10	46,897
29 Februari 2016	0.10	0.10	46,695
31 Mac 2016	0.10	0.10	48,525
30 April 2016	0.10	0.10	48,568
31 Mei 2016	0.10	0.10	55,338
30 Jun 2016	0.40	0.40	285,472
Jumlah	1.50	1.50	855,296

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah disyorkan pada setiap akhir bulan sepanjang tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017 bergantung kepada prestasi Dana [Pengagihan pendapatan dalam bentuk unit sepanjang tahun kewangan berakhir 30 Jun 2016: 1.50 (kasar) (bersih: 1.50 sen) seunit].

Pengagihan yang diisytiharkan diperoleh daripada sumber-sumber berikut:-

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Keuntungan dari Deposit Islamik	1,195,621	945,934
Keuntungan dari Nota Perdagangan	-	42,588
Hibah dari Simpanan Al-Wadiah	745	221
Lain-lain Pendapatan	-	3,855
Pengimbangan agihan	21,166	24,890
	1,217,532	1,017,488
Perbelanjaan	(159,968)	(120,365)
Cukai	-	(41,827)
	1,057,564	855,296
Unit dalam edaran pada akhir tahun	77,450,000	71,368,000
Pengagihan kasar seunit (sen)	1.51	1.50
Pengagihan bersih seunit (sen)	1.51	1.50

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017**

8. MODAL UNIT BERSIH

	<u>2017</u>		<u>2016</u>	
	Unit	RM	Unit	RM
Baki dibawa ke hadapan	71,368,000	37,451,434	54,888,500	29,088,296
Penjadian dalam tahun	45,047,000	22,859,652	36,834,500	18,680,409
	<u>116,415,000</u>	<u>60,311,086</u>	<u>91,723,000</u>	<u>47,768,705</u>
Perlucutan dalam tahun	(38,965,000)	(19,756,824)	(20,355,000)	(10,292,381)
	<u>77,450,000</u>	<u>40,554,262</u>	<u>71,368,000</u>	<u>37,476,324</u>
Pengimbangan agihan	-	(21,166)	-	(24,890)
Baki dihantar ke hadapan	<u>77,450,000</u>	<u>40,533,096</u>	<u>71,368,000</u>	<u>37,451,434</u>

9. NILAI ASET BERSIH

Nilai Aset Bersih diambilkira setelah menolak jumlah liabiliti Dana daripada jumlah aset Dana.

10. YURAN PENGURUS

Yuran yang dibayar kepada Pengurus, PMB INVESTMENT BERHAD adalah dikira secara harian berdasarkan 0.4% setahun ke atas Nilai Aset Bersih sebelum mengambilkira yuran Pengurus dan yuran Pemegang Amanah terakru harian.

11. YURAN PEMEGANG AMANAH

Yuran yang dibayar kepada Pemegang Amanah, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD adalah dikira secara harian berdasarkan 0.05% setahun ke atas Nilai Aset Bersih sebelum mengambilkira yuran Pengurus dan yuran Pemegang Amanah terakru harian.

12. CUKAI

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
	RM	RM
Peruntukan cukai semasa	-	(8,161)
Peruntukan terkurang tahun taksiran terdahulu	-	(33,666)
Perbelanjaan cukai untuk tahun semasa	<u>-</u>	<u>(41,827)</u>

Cukai adalah dikenakan pada kadar 24% (2016: 25%) ke atas pendapatan bercukai dividen setelah ditolak perbelanjaan dibenar pada kadar 10%.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017**

12. CUKAI (SAMB.)

Penyelarasan di antara perbelanjaan cukai dan keuntungan perakaunan didarabkan dengan kadar cukai 24% dan 25% bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017 dan 30 Jun 2016 adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Keuntungan sebelum cukai	1,036,398	872,233
Cukai Malaysia @ 24% (2016: 25%)	(248,736)	(218,058)
Kesan cukai dari pendapatan yang tidak dikenakan cukai	287,128	237,502
Kesan cukai dari perbelanjaan yang tidak dibenar	(38,392)	(27,605)
Peruntukan cukai semasa	-	(8,161)
Peruntukan terkurang tahun taksiran terdahulu	-	(33,666)
Perbelanjaan cukai untuk tahun semasa	-	(41,827)

13. KEPENTINGAN PENGURUS, PENGARAH-PENGARAH DAN PIHAK BERKAITAN

Butir-butir kepentingan Pengurus, Pengarah-Pengarah Syarikat dan pihak berkaitan di dalam Dana ini adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
(a) <u>Unit Pegangan</u>		
PMB INVESTMENT BERHAD	5,179.22 unit bernilai RM2,614.99	26,774.56 unit bernilai RM13,513.12
Pelaburan MARA Berhad *	6,875,076.69 unit bernilai RM3,471,226.22	6,727,529.86 unit bernilai RM3,395,384.32
Pengarah-Pengarah	Tiada	Tiada

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017**

13. KEPENTINGAN PENGURUS, PENGARAH-PENGARAH DAN PIHAK BERKAITAN (SAMB.)

Butir-butir kepentingan Pengurus, Pengarah-Pengarah Syarikat dan pihak berkaitan di dalam Dana ini adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
(b) <u>Perbelanjaan</u>		
Yuran Pengurus yang telah dibayar dan terakru	RM118,586	RM73,722

* Pelaburan MARA Berhad adalah syarikat induk bagi Pengurus, PMB INVESTMENT BERHAD.

Urusniaga-urusniaga di antara Dana dan Pengurus serta pihak berkaitan dijalankan berdasarkan transaksi pemiagaan yang normal. Pegangan unit Pengurus adalah berasaskan pegangan benefisial.

14. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN (NPP)

Pengiraan NPP adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
NPP = $\frac{\text{Fi} + \text{Perbelanjaan yang}}{\text{didapatkan balik}} \times 100$ Saiz Purata Dana dikira setiap hari urusniaga	0.47%	0.45%

Nisbah jumlah bayaran yuran dan perbelanjaan Dana berbanding nilai purata harian Dana bagi tahun kewangan berakhir adalah bertepatan dan munasabah.

15. PUSING GANTI PORTFOLIO (PGP)

Pengiraan PGP adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
PGP = $\frac{\text{(Jumlah kos belian} + \text{Jumlah}}{\text{kos jualan)} / 2}$ Saiz Purata Dana dikira setiap hari urusniaga	1.37 kali	1.88 kali

Nisbah pusingan bagi jumlah purata kos belian dan jualan pelaburan berbanding nilai purata harian Dana bagi tahun kewangan berakhir adalah bertepatan dan munasabah.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017**

16. URUSNIAGA DENGAN DEALER (01/07/2016 – 30/06/2017)

Nama Dealer	Nilai Transaksi RM	%	Komisen & Fi RM	%
Bank Muamalat Malaysia Bhd.	18,853,627	20.01	-	-
RHB Islamic Bank Bhd.	15,540,000	16.50	-	-
Bank Islam Malaysia Bhd.	11,986,091	12.72	-	-
Maybank Islamic Bank Bhd.	11,300,838	12.00	-	-
Hong Leong Islamic Bank Bhd.	9,047,032	9.60	-	-
Kuwait Finance House (M) Bhd.	8,310,336	8.82	-	-
MIDF Amanah Investment Bank Bhd.	7,814,338	8.30	-	-
KAF Investment Bank Bhd.	7,753,995	8.23	-	-
CIMB Islamic Bank Bhd.	3,597,188	3.82	-	-
Jumlah Transaksi	94,203,445	100.00	-	-

17. MATAWANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

JADUAL A

SENARAI PELABURAN PADA 30 JUN 2017

BIL.	NAMA INSTITUSI	JENIS	KOS	NILAI	NILAI
			PENEMPATAN	PENEMPATAN	PENEMPATAN
			RM	DANA	DANA KE ATAS
					NILAI ASET BERSIH
					%
DEPOSIT ISLAMIK					
1	Bank Islam Malaysia Bhd.	Komoditi Mura	1,000,000	1,008,656	2.58
2	Bank Islam Malaysia Bhd.	Komoditi Mura	1,000,000	1,008,679	2.58
3	Bank Islam Malaysia Bhd.	Wafiah	961,308	966,181	2.47
4	Bank Islam Malaysia Bhd.	Wafiah	850,000	853,964	2.18
5	Bank Islam Malaysia Bhd.	Wafiah	900,000	904,105	2.31

JADUAL A**SENARAI PELABURAN PADA 30 JUN 2017**

BIL.	NAMA INSTITUSI	JENIS	KOS	NILAI	NILAI
			PENEMPATAN	PENEMPATAN	PENEMPATAN
			DANA	DANA	DANA KE ATAS
			RM	RM	NILAI ASET BERSIH
					%
DEPOSIT ISLAMIK (SAMB.)					
6	Bank Islam Malaysia Bhd.	Wafiah	1,000,000	1,004,562	2.57
7	Bank Islam Malaysia Bhd.	Wafiah	1,109,736	1,113,223	2.85
8	Bank Muamalat Malaysia Bhd.	Komoditi Mura	780,532	786,520	2.01
9	Bank Muamalat Malaysia Bhd.	Wadiah	364,845	367,644	0.94
10	Bank Muamalat Malaysia Bhd.	Komoditi Mura	1,000,000	1,007,096	2.57
11	Bank Muamalat Malaysia Bhd.	Komoditi Mura	1,009,618	1,015,330	2.60
12	Bank Muamalat Malaysia Bhd.	Komoditi Mura	1,040,000	1,043,091	2.67
13	Bank Muamalat Malaysia Bhd.	Komoditi Mura	1,017,277	1,020,106	2.61
14	Bank Muamalat Malaysia Bhd.	Komoditi Mura	150,351	150,726	0.39
15	Bank Muamalat Malaysia Bhd.	Komoditi Mura	549,262	550,631	1.41
16	Bank Muamalat Malaysia Bhd.	Komoditi Mura	301,152	301,224	0.77
17	CIMB Islamic Bank Bhd.	Komoditi Mura	180,000	180,132	0.46
18	CIMB Islamic Bank Bhd.	Komoditi Mura	150,095	150,131	0.38
19	KAF Investment Bank Bhd.	Komoditi Mura	1,130,000	1,131,546	2.89
20	KAF Investment Bank Bhd.	Komoditi Mura	1,010,000	1,011,014	2.59
21	Kuwait Finance House (M) Bhd.	Wakalah	1,000,000	1,008,900	2.58
22	Kuwait Finance House (M) Bhd.	Wakalah	1,033,704	1,042,904	2.67
23	Kuwait Finance House (M) Bhd.	Wakalah	900,000	904,140	2.31
24	Kuwait Finance House (M) Bhd.	Wakalah	1,055,995	1,060,473	2.71

JADUAL A

SENARAI PELABURAN PADA 30 JUN 2017

BIL.	NAMA INSTITUSI	JENIS	KOS	NILAI	NILAI
			PENEMPATAN	PENEMPATAN	DANA KE ATAS
			RM	RM	%
DEPOSIT ISLAMIK (SAMB.)					
25	Kuwait Finance House (M) Bhd.	Wakalah	1,009,200	1,011,017	2.59
26	Kuwait Finance House (M) Bhd.	Wakalah	1,074,797	1,076,409	2.75
27	Kuwait Finance House (M) Bhd.	Wakalah	953,886	955,031	2.44
28	Maybank Islamic Bank Bhd.	GIA	1,045,435	1,061,174	2.71
29	Maybank Islamic Bank Bhd.	GIA	250,000	251,725	0.64
30	Maybank Islamic Bank Bhd.	GIA	1,600,000	1,606,957	4.11
31	Maybank Islamic Bank Bhd.	GIA	1,673,175	1,700,840	4.35
32	MIDF Amanah Investment Bank Bhd.	Komoditi Mura	1,304,122	1,314,229	3.36
33	MIDF Amanah Investment Bank Bhd.	Komoditi Mura	1,000,000	1,004,411	2.57
34	MIDF Amanah Investment Bank Bhd.	Komoditi Mura	1,037,104	1,041,711	2.66
35	MIDF Amanah Investment Bank Bhd.	Komoditi Mura	1,238,681	1,243,432	3.18
36	MIDF Amanah Investment Bank Bhd.	Komoditi Mura	994,332	996,810	2.55
37	MIDF Amanah Investment Bank Bhd.	Komoditi Mura	1,119,398	1,120,686	2.87
38	RHB Islamic Bank Bhd.	Komoditi Mura	1,425,000	1,434,024	3.67
39	RHB Islamic Bank Bhd.	Komoditi Mura	1,200,000	1,202,042	3.07
40	RHB Islamic Bank Bhd.	Komoditi Mura	1,020,000	1,020,978	2.61
41	RHB Islamic Bank Bhd.	Komoditi Mura	812,000	812,234	2.08
42	RHB Islamic Bank Bhd.	Komoditi Mura	1,011,000	1,011,194	2.59
Jumlah Deposit Islamik			39,262,005	39,455,882	100.90

9. ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA

◆ KANDUNGAN PORTFOLIO

Kandungan portfolio adalah dikira mengikut harga penutup pasaran pada setiap 30 Jun.

◆ KAEDAH HARGA TUNGGAL (SINGLE PRICING REGIME - SPR)

Berkuatkuasa 1 Julai 2007, Kaedah Harga Tunggal (SPR) telah digunapakai bagi menggantikan kaedah Dwipenetapan Harga (Dual Pricing). Melalui kaedah ini, penjualan, pembelian balik, perlucutan dan penjadian unit-unit oleh Pengurus akan dilaksanakan pada Nilai Aset Bersih (NAB) seunit pada penutup hari urusniaga. Yuran kemasukan/pengeluaran (jika ada) akan dikira secara berasingan berdasarkan NAB pelaburan unit-unit anda.

◆ HARGA JUALAN SEUNIT

Harga jualan seunit ialah harga yang dijual oleh Pengurus kepada pemegang-pemegang unit dengan mengambilkira NAB pada penutup hari urusniaga dibahagi dengan bilangan unit dalam pusingan pada hari tersebut dan dikenakan caj jualan sebanyak 6% (berkuatkuasa 28 April 2014) kecuali 2% bagi PMB Sukuk Fund dan tiada caj jualan dikenakan bagi PMB Syariah Cash Management Fund.

◆ HARGA BELIAN SEUNIT

Harga belian seunit ialah harga yang sedia dibeli oleh Pengurus daripada pemegang-pemegang unit yang ingin menjual kembali unit-unit pelaburan mereka pada harga NAB Dana.

◆ NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN (NPP)

Pengiraan NPP adalah seperti berikut:

$$\text{NPP} = \frac{\text{Fi} + \text{Perbelanjaan yang didapatkan balik}}{\text{Saiz Purata Dana dikira setiap hari urusniaga}} \times 100$$

◆ PUSING GANTI PORTFOLIO (PGP)

Pengiraan PGP adalah seperti berikut:

$$\text{PGP} = \frac{(\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah kos jualan})}{2} / \text{Saiz Purata Dana dikira setiap hari urusniaga}$$

◆ JUMLAH PULANGAN

Jumlah pulangan ialah jumlah pulangan pendapatan bersih dan pertumbuhan nilai modal dikira seperti berikut:-

$$\frac{\text{NAB (cD bagi tahun kewangan semasa)} - 1 \times 100}{\text{NAB (xD bagi tahun kewangan sebelumnya)}} \times 100$$

(selepas penyelarasan unit-unit pecahan sekiranya ada)

◆ PENGAGIHAN PENDAPATAN (JIKA ADA)

Pengagihan pendapatan kasar adalah pengagihan tunai sebelum cukai dalam tahun kewangan, manakala pengagihan pendapatan bersih adalah pengagihan tunai selepas peruntukan cukai.

$$\frac{\text{Pengagihan tunai bersih di dalam tahun kewangan}}{\text{NAB (xD bagi tahun kewangan sebelumnya)}} \times 100$$

(selepas penyelarasan unit-unit pecahan sekiranya ada)

◆ PERTUMBUHAN MODAL

Pertumbuhan modal dikira dengan mengambil perbezaan jumlah pulangan dan jumlah pulangan pendapatan.

◆ JUMLAH PURATA PULANGAN TAHUNAN

Jumlah purata pulangan tahunan dikira seperti berikut:-

$$\frac{\text{Jumlah Pulangan}}{\text{Bilangan tahun bawah kajian}}$$

10. MAKLUMAT TAMBAHAN

• PEMBAYARAN PENGAGIHAN

Pembayaran pengagihan (jika ada) akan dihantar dalam jangkamasa dua (2) bulan selepas tarikh tutup tahun kewangan kepada pemegang-pemegang unit melalui cek ke alamat terkini di dalam daftar. Cek tersebut sah laku selama enam (6) bulan dari tarikh pengeluaran. **Harap ambil perhatian bahawa cek yang tidak ditunaikan selepas enam (6) bulan dari tarikh pengeluarannya akan dilaburkan semula mengikut harga jualan pada penutup hari kelima belas (15) bulan berikutnya atau tarikh lebih awal sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Pengurus.**

• MELABURKAN SEMULA PENGAGIHAN

Anda boleh melabur semula dengan membuat pilihan yang sesuai di dalam Borang Permohonan atau memaklumkan kepada Pengurus secara bertulis dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh tutup tahun kewangan Dana. **Walau bagaimanapun, untuk pengagihan yang bernilai kurang dari RM50.00, ianya akan dilaburkan semula secara automatik.** Pengagihan akan dilaburkan semula pada nilai NAB seunit yang dikira pada penutup hari urusaniaga pertama selepas tarikh agihan. Tiada caj dikenakan ke atas pelaburan semula pengagihan. Walau bagaimanapun, pelaburan semula pengagihan melalui waran agihan akan dianggap sebagai jualan biasa.

• PERTUKARAN KE LAIN-LAIN DANA

Semua pemegang-pemegang unit Dana sedia ada diberi kemudahan untuk menukar Dana yang disertai ke lain-lain Dana [kecuali PMB Syariah TNB Employees Fund]. Caj-caj yang dikenakan adalah seperti berikut:-

- caj pertukaran dana yang dikenakan bagi Dana yang mempunyai caj jualan yang sama adalah tidak melebihi RM25.00 bagi setiap transaksi.
- walau bagaimanapun, tiada caj pertukaran dikenakan sekiranya melibatkan pertukaran Dana yang mempunyai caj jualan yang lebih tinggi ke Dana yang tiada atau mempunyai caj jualan yang lebih rendah.
- caj pertukaran pada kadar caj jualan semasa pula akan dikenakan sekiranya melibatkan pertukaran Dana dari Dana yang tiada atau mempunyai caj jualan yang rendah ke lain-lain Dana yang mempunyai caj jualan yang lebih tinggi.
- unit akan ditebus dan dibelikan unit amanah yang baru berasaskan NAB seunit. Pertukaran minimum bagi setiap transaksi hendaklah tidak kurang daripada RM1,000.

• KEMUDAHAN MENAMBAH MODAL MELALUI BANK (AUTODEBIT)

PMB INVESTMENT BERHAD menyediakan kemudahan pelaburan secara tetap setiap bulan melalui Arahan Bank (Autodebit) menerusi BANK SIMPANAN NASIONAL, CIMB BANK BERHAD, MALAYAN BANKING BERHAD/ MAYBANK ISLAMIC BERHAD dan RHB BANK BERHAD/RHB ISLAMIC BANK BERHAD. Pelaburan minimum setiap arahan ialah sebanyak RM50.00 pada tiap-tiap bulan.

- **MENUKAR MILIK**

Unit-unit Dana anda boleh ditukar milik kepada orang lain dengan menggunakan borang tukar milik yang boleh diperolehi di pejabat Pengurus. Pembeli atau penerima unit akan dikenakan caj tukar milik tidak melebihi RM10.00 untuk mendaftar unit-unit tersebut atas namanya.

- **CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN
(GOODS AND SERVICES TAX - GST)**

Berkuatkuasa 1 April 2015, semua caj yang dikenakan adalah tertakluk kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebanyak 6%.

- **PROSES PENYUCIAN**

- (a) **Zakat**

Kewajipan mengeluarkan zakat adalah dikenakan kepada mana-mana pelabur yang beragama Islam dan entiti Islam ke atas perolehan/pendapatan dari pelaburan. Walau bagaimanapun, Dana tidak memperuntukkan bayaran untuk zakat yang dikenakan ke atas perolehan modal pengagihan pendapatan. Sehubungan dengan itu, bayaran zakat ke atas perolehan modal dan pengagihan pendapatan adalah menjadi tanggungjawab pelabur-pelabur untuk berbuat demikian.

Penentuan jumlah zakat adalah dengan mengambil kira jumlah pelaburan perolehan modal dan pengagihan pendapatan dalam tahun kewangan didarabkan dua peruluhan lima peratus (2.5%).

11. MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN

PEJABAT WILAYAH:

Wilayah Tengah

Tingkat 1, Wisma PMB
No. 1A, Jalan Lumut
50400 Kuala Lumpur
Tel: (03) 4045 4000 Faks: (03) 4044 3800
H/P: (013) 2710392 (Suhaila Malzuki)
E-mel: pmbi.central@pelaburanmara.com.my
suhaila@pelaburanmara.com.my

Wilayah Utara

No. 46 1/F Jalan Todak 2
Pusat Bandar Seberang Jaya
13700 Perai
Tel: (04) 3909036 Faks: (04) 3909041
H/P: (012) 4703914 (Ahmad Shahril Md Yusof)
E-mel: pmbi.north@pelaburanmara.com.my
shahril@pelaburanmara.com.my

Wilayah Timur

Lot D103, Tingkat 1, Mahkota Square
Jalan Mahkota, 25000 Kuantan
Tel: (09) 5158545 Faks: (09) 5134545
H/P: (016) 9392796 / (011) 37314369 (Mohd Nazri Kadir)
E-mel: pmbi.east@pelaburanmara.com.my
nazri.kadir@pelaburanmara.com.my

Wilayah Selatan

No. 17-01, Jalan Molek 1/29
Taman Molek
81100 Johor Bahru
Tel: (07) 3522120 Faks: (07) 3512120
H/P: (019) 7042154 (Anuar Idrus)
E-mel: pmbi.south@pelaburanmara.com.my
anuar@pelaburanmara.com.my

Sarawak

No. 59, Tingkat Satu, Jalan Tun Jugah
93350 Kuching
Tel: (082) 464402 Faks: (082) 464404
H/P: (013) 8230645 (John Nyaliaw)
E-mel: pmbi.sarawak@pelaburanmara.com.my
john@pelaburanmara.com.my

PEJABAT WILAYAH:

Sabah

Lot 2-3-19C, Tingkat 2, Plaza Wawasan
Lorong Plaza Wawasan
88000 Kota Kinabalu
Tel: (088) 244129 Faks: (088) 244419
H/P: (013) 8678131 (Yong Yin Kong)
E-mel: pmbi.sabah@pelaburanmara.com.my
yong@pelaburanmara.com.my

PEJABAT AGENSI:

Kuala Lumpur

Najdiah Abu Bakar
Heroroz Ventures Resources
19-1 Jalan Danau Lumayan
Bandar Permaisuri
56000 Kuala Lumpur
H/P: (019) 2773776
E-mel: najdiah.abubakar@gmail.com

Melaka

Datuk Md. Ramly bin Mohamad
No. 253-A, Jalan TMR 3
Taman Melaka Raya
75000 Melaka
Tel: (06) 2815051 Faks: (06) 2815046 H/P: (012) 6093859
E-mel: dtkmdr@yahoo.com.my

EJEN INSTITUSI:

Phillip Mutual Bhd
iFast Capital Sdn Bhd

PERKHIDMATAN AUTODEBIT:

Bank Simpanan Nasional
CIMB Bank Berhad
Malayan Banking Berhad/Maybank Islamic Berhad
RHB Bank Berhad/RHB Islamic Bank Berhad

12. MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR

Sebarang pertanyaan mengenai Dana, sila hubungi bahagian Perhubungan Pelabur melalui:

- e-mel : investorrelation@pelaburanmara.com.my
- telefon : (03) 2785 9900

PERINGATAN KEPADA BAKAL PELABUR

LAPORAN INI BUKANLAH TAWARAN UNTUK MENJUAL UNIT. BAKAL PELABUR DIKEHENDAKI MEMBACA PROSPEKTUS INDUK DAN/ATAU PROSPEKTUS INDUK TAMBAHAN DANA INI DENGAN TELITI SEKIRANYA INGIN MELABUR. SEKIRANYA ANDA MERASA RAGU, SILA BERUNDING DENGAN PENASIHAT PELABURAN ANDA TENTANG SKIM INI. PENCAPAIAN DANA INI PADA MASA LALU BUKANNYA PETUNJUK ATAU GAMBARAN PENCAPAIANNYA PADA MASA HADAPAN. HARGA UNIT DAN PULANGAN KE ATAS PELABURAN AKAN BERUBAH-UBAH MENGIKUT NILAI PASARAN.

13. BORANG KEMASKINI MAKLUMAT PELABUR